

NAMA : .....  
KELAS : .....

**TASAWWUR ISLAM**

**5226/1**

**November**  
**2 jam 30 minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis **nama** dan **kelas** pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
3. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **empat** soalan pada **Bahagian B**.*
4. *Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A** dan **Bahagian B** di kertas jawapan yang anda sediakan sendiri.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa |        |        |
|--------------------------|--------|--------|
| Bahagian                 | Soalan | Markah |
| A                        | 1-20   |        |
| B                        | 1      |        |
|                          | 2      |        |
|                          | 3      |        |
|                          | 4      |        |
|                          | 5      |        |
|                          | 6      |        |
| Jumlah                   |        |        |

---

**Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak**

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm



**Bahagian A**  
[20 markah]  
*Jawab semua soalan.*

**Soalan 1 hingga soalan 4**

Tulis istilah yang betul bagi pernyataan berikut

1. Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT, meninggalkan larangan-Nya, beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepada-Nya.
2. Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal.
3. Semua amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah SWT sama ada fardu atau sunat.
4. Pelabur memberi modal kepada pengusaha untuk diperniagakan dan keuntungan akan dibahagikan mengikut perjanjian.

**Soalan 5 hingga soalan 8**

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang paling sesuai.

|                |       |         |          |           |
|----------------|-------|---------|----------|-----------|
| menggembirakan | hamba | terpuji | mazmumah | pergaulan |
|----------------|-------|---------|----------|-----------|

5. Akhlak \_\_\_\_\_ akan mewujudkan suasana aman dan memberi ruang memperbaiki potensi manusia serta menambah produktiviti.
6. Walaupun manusia sebagai khalifah di muka bumi, gelaran \_\_\_\_\_ sentiasa mengingatkannya kepada Allah SWT Yang Maha Berkuasa.
7. Islam tidak melarang \_\_\_\_\_ antara lelaki dengan perempuan asalkan mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh syarak.
8. Hiburan dalam Islam merujuk kepada sesuatu perkara yang dapat menghiburkan dan \_\_\_\_\_ hati seseorang yang selari dengan kehendak syarak.

**Soalan 9 hingga soalan 10**


Padankan pernyataan berikut dengan pilihan ayat yang sesuai

|     | Penyataan                   | Ayat     |
|-----|-----------------------------|----------|
| 9.  | Terdapat sebanyak 86 surah. | Makkiah  |
| 10. | Terdapat sebanyak 28 surah. | Madaniah |



**Soalan 11 hingga 12**

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul berkenaan dengan matlamat sistem perundangan Islam.



11. T ialah \_\_\_\_\_

12. U ialah \_\_\_\_\_

**Soalan 13 hingga 15**

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan kesalahan dan hukuman hudud.

| Kesalahan  | Hukuman          |
|------------|------------------|
| Qazaf      | V                |
| W          | Disebat 100 kali |
| Minum arak | X                |

13. V ialah \_\_\_\_\_

14. W ialah \_\_\_\_\_

15. X ialah \_\_\_\_\_



**Soalan 16 hingga 20**

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang betul dan ( X ) pada pernyataan yang salah.

- |                                                                                                                                     |                          |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|
| <b>16.</b> Piagam Madinah dijadikan sebagai perlembagaan pentadbiran dan pengurusan pada zaman Rasulullah SAW.                      | <input type="checkbox"/> |
| <b>17.</b> Semasa pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab r.a., Majlis Syura ditubuhkan secara rasmi dan berfungsi secara formal. | <input type="checkbox"/> |
| <b>18.</b> Negara Islam menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.                                      | <input type="checkbox"/> |
| <b>19.</b> Rasulullah SAW telah membentuk negara Islam yang pertama di Mekah.                                                       | <input type="checkbox"/> |
| <b>20.</b> Pada zaman ini, isteri berperanan sebagai pemimpin keluarga.                                                             | <input type="checkbox"/> |



**Bahagian B**

[80 markah]

*Jawab empat soalan sahaja.*

- 1 (a) (i) Apakah maksud Iman? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan rukun iman. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** cara meningkatkan kualiti ibadah. [4 markah]
- (c) (i) Senaraikan **dua** sumber utama sistem ekonomi Islam. [2 markah]
- (ii) Huraikan salah satu prinsip asas sistem ekonomi Islam. [2 markah]
- (d) (i) Nyatakan **dua** ciri muamalat Islam. [2 markah]
- Konsep “**Ta’awun**” dapat diwujudkan melalui amalan muamalat.
- (ii) Bincangkan bagaimana ia dapat menjana ekonomi umat Islam. [4 markah]
- 2 (a) Nyatakan **dua** keistimewaan insan. [2 markah]



- (b) Kita hendaklah berusaha untuk menjadikan keluarga kita keluarga yang dibina atas ketakwaan dan kasih sayang agar kehidupan tenteram.

Selain daripada pernyataan di atas, bagaimanakah cara anda memelihara fitrah kejadian insan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT?

- [6 markah]
- (c) Jelaskan **dua** kepentingan wahyu dalam memelihara akal. [4 markah]
- (d) (i) Nyatakan maksud perundangan Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara merealisasikan sistem perundangan Islam dalam kehidupan. [4 markah]



- (e) Hukuman yang dijatuhkan mestilah setimpal dengan kesalahan.

Senaraikan **dua** prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan selain pengakuan.

[2 markah]

- 3 (a) (i) Nyatakan **maksud** sifat mahmudah dalam pergaulan.

[2 markah]

- (ii) Senaraikan **dua** contoh sifat mahmudah dalam pergaulan.

[2 markah]

Sinar Harian, Khamis 01.02.18, Utara ms22

## Mayat bayi dijumpai depan masjid

JITRA - Seorang jemaah Masjid al-Faizin di Pulau Ketam, di sini dikejutkan dengan penemuan mayat bayi yang sudah pun kembung dan membengkak di hadapan masjid berkenaan, semalam.

Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Superintendan Mohd Ismail Ibrahim berkata, pihaknya menerima aduan mengenai kejadian terbit kira-kira jam 6.15 pagi semalam.

"Menurut pengadu, dia ke masjid untuk menunaikan solat Subuh sebelum menjumpai bungkusan plastik hitam di tepi pagar masjid berkenaan pada jam 5.30 pagi.

"Dia kemudiannya memeriksa bungkusan terbit dan mendapati terdapat bungkusan kain batik serta terlihat kaki bayi," katanya, semalam.

Menurutnya, pihak polis ke-



Bayi lelaki cukup sifit yang dijumpai orang awam di tepi pagar Masjid al-Faizin Pulau Ketam, semalam.

mudian bergegas ke lokasi kejadian dan mendapati bungkusan tersebut berisi mayat bayi lelaki yang sudah kembung dan membengkak.

"Pihak polis turut menghubungi

Hospital Jitra untuk mendapatkan bantuan dan pegawai perubatan yang tiba di lokasi mengesahkan bayi berkenaan telah meninggal dunia lebih daripada 24 jam. Mayat



Lokasi bungkusan mayat bayi terbit dijumpai.

berkenaan kemudian dirujuk ke Hospital Sultanah Bahiyah untuk urusan bedah siasat.

"Kejadian ini kemungkinan dilakukan oleh orang luar, bagaimana-

pun pihak polis masih menjalankan siasatan lanjut mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dengan membuang mayat," katanya.

Sumber: keratan akhbar Sinar Harian, Februari 2018

- (b) (i) Apakah **punca** berlakunya masalah tersebut?

[1 markah]

- (ii) Huraikan pandangan anda tentang implikasi yang akan berlaku sekiranya masalah ini tidak dibendung?

[5 markah]

- (c) (i) Apakah **maksud** etika tadbir urus Islam.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** aspek utama asas pentadbiran dan pengurusan negara pada zaman Rasulullah SAW.

[4 markah]

- (iii) Terangkan **dua** kesan mentadbir dan mengurus mengikut syariat.

[4 markah]



- 4 (a) (i) Apakah maksud akhlak? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** pembahagian akhlak beserta contoh. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** prinsip murunah. [4 markah]



- (c) Petikan akhbar di atas merumuskan tentang ketidakadilan yang berlaku kesan pengabaian sistem ekonomi Islam.

Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan langkah yang boleh diambil bagi membanteras gejala rasuah ini daripada terus berleluasa.

- (d) Nyatakan maksud bagi jenis-jenis muamalat berikut: [4 markah]
- (i) Al-Wadiah. [2 markah]
- (ii) Al-Ijarah. [2 markah]
- (e) Senaraikan **dua** etika kerja dalam Islam. [2 markah]

- 5 (a) Apakah maksud insan? [2 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** perbezaan antara akal dengan wahyu. [4 markah]
- (ii) Memelihara akal merupakan suatu kewajipan dalam Islam. Terangkan **dua** fungsi akal. [4 markah]

Hakim dilarang untuk menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya seperti kaum keluarga, rakan dan sebagainya.

- (c) Adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas? Huraikan pandangan anda. [6 markah]
- (d) Senaraikan **empat** syarat pelantikan seorang hakim menurut syarak. [4 markah]



- 6 (a) (i) Senaraikan **empat** prinsip Negara Islam. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** ciri Negara Islam. [2 markah]
- (b) Jelaskan **dua** elemen pembentukan Negara Islam selain daripada rakyat. [4 markah]
- (c) (i) Terangkan **dua** konsep hiburan dalam Islam. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** adab dan etika hiburan menurut Islam. [2 markah]
- Islam tidak menyekat umatnya mencari hiburan selagi mana tidak keluar daripada batas syarak.
- (d) (i) Bincangkan kebaikan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan seperti kenyataan di atas. [4 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** contoh hiburan yang dibenarkan dalam Islam. [2 markah]

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm  
**KERTAS SOALAN TAMAT**